

## MDKL terima dana khas atasi masalah sampah di kampung tradisi

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) antara dua pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menerima peruntukan khas dimohon melalui kerajaan negeri untuk mengatasi masalah sampah di kampung tradisi.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, isu sampah di kampung tradisi ini sudah banyak kali dibangkitkan, tetapi masalah penyelesaiannya adalah berkaitan kutipan.

Menurutnya, oleh sebab itu MDKL membuat permohonan peruntukan kepada kerajaan negeri berdasarkan masalah tersebut melibatkan kampung tradisi.

"Kita sudah bersetuju untuk buat kutipan dan bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat untuk dapatkan lokasi sahaja.

"Mungkin lokasi ini ba-



Mohd Yasin mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai Timbalan Yang Dipertua MDKL sambil disaksikan Mohamad Zain, ahli majlis dan pegawai-pegawai kanan MDKL di Bilik Cempaka Kuning, MDKL

nyak dan kita mohon ahli majlis untuk periksa semua kawasan yang ditetapkan, sama ada ia sesuai atau tidak," katanya kepada *Sinar Harian* mengenai peruntukan yang diluluskan kepada MDKL bagi kerja-kerja pem-

bersihan sampah pukal dan kampung tradisi di kawasan MDKL.

Mohamad Zain berkata, MDKL akan meminta kontraktor untuk datang membuat penambahbaikan.

"Kita akan mula pada

April. Sementara ini kita akan perhalusi dan perbincangan dilakukan untuk mengetahui kaedah sesuai bagi operasi kutipan sampah di 175 penempatan tong sampah 660 liter di 34 kampung tradisi di daerah ini.

"Kita hanya dipertanggungjawabkan untuk operasi. Jadi kita akan bincang dari segi lokasi, jumlah kompaktor dan kaedah kutipan sama ada satu mencukupi atau tidak berdasarkan jumlah rumah yang ada," katanya.

Beliau mengakui isu sampah di kawasan kampung tradisi sebelum ini kebanyakannya diurus sendiri oleh penduduk, tetapi difahamkan mereka membuang sampah dilokasi tidak sepatutnya dan ada sebahagiannya terpaksa membakarnya di kawasan rumah masing-masing.

Bagaimanapun katanya, masalah sampah di kawasan kampung tradisi ini juga antara faktor lokasi sampah haram wujud apabila tiada lokasi pembuangan sampah yang bersistematis.

Mengulas mengenai masalah sampah haram di kampung, pihaknya dalam usaha

pro aktif menyelesaikan masalah berkenaan.

"Isu restoran makanan yang berada di kawasan kampung turut berkait dengan masalah sampah, namun satu tindakan lain akan dilakukan termasuk permit dan lesen untuk uruskan sampah kepada pengusaha," katanya.

Tambahnya, cadangan itu akan dikaji bagi memberi keselesaan kepada semua pihak, sekali gus isu sampah haram di kawasan kampung tradisi dapat dikurangkan dan diselesaikan secara berperingkat.

Terdahulu dalam mesyuarat berkenaan, Setiausaha MDKL, Mohd Yasin Alwi turut mengangkat sumpah pengakuan menerima jawatan sebagai Timbalan Yang Dipertua MDKL di hadapan ahli majlis dan pegawai-pegawai kanan MDKL.

# Sikap penghuni jadi punca

LZS sedaya upaya bantu asnaf di penempatan Desa Ehsan, mahu ubah kehidupan mereka ke arah lebih baik

**PERMATANG PASIR** - Isu penempatan asnaf Desa Ehsan, di sini yang tular di Facebook sehingga dilabel sebagai semak dan uzur itu sebenarnya berpunca daripada sikap penghuni asnaf berkenaan yang tidak berusaha untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Ketua Divisyen Operasi Agihan, LZS, Abdul Basith Hamid berkata, penempatan Desa Ehsan berkenaan dibina dengan usaha murni, namun pelbagai gejala sosial berlaku sehingga memberi impak kepada masyarakat.

"Pada 2012, kami buat keputusan untuk bubarkan penempatan di sini, kita berhasrat pindahkan mereka ke penempatan lain supaya mereka boleh bersama masyarakat.

"Bila dah bersama masyarakat nanti, mereka mula berkawan dengan masyarakat yang berlatar-belakangkan kerjaya yang baik dan jiran yang lebih menyenangkan.

"Kita juga harap mereka dapat tingkatkan pendapatan dengan melihat suasana kehidupan jiran sekeliling yang lebih sempurna," katanya yang turut hadir berjumpa dengan sebahagian penghuni di situ, baru-baru ini.

Bagaimanapun, jelas Abdul Basith, apabila mereka sudah terlalu selesa di Desa Ehsan, mereka enggan berpindah.



Abdul Basith bersama Pegawai Operasi LZS Daerah Kuala Langat, Mohd Shukri Hashim melihat rumah penghuni yang masih tinggal di kawasan itu.

"LZS tidak pernah pun nak halau mereka tapi kita pindahkan mereka. Kita bayarkan sewa di rumah baru mereka, bayaran kos-kos pengangkutan pindah pun kita tanggung."

"Apa yang kita harapkan kita tak nak mereka berkumpul di sini sebab mentaliti penghuni di sini dilihat sama saja."

"Ada yang keluar dan sebahagiannya memang mengharapkan masa depan yang baik, tapi ada juga asnaf yang selesa tinggal di pe-

nempatan itu tanpa mementingkan persekitaran yang sempurna," katanya.

Abdul Basith berkata, sebagai alternatif bagi memastikan mereka keluar dari kawasan ini, pihaknya merancang menganjurkan satu program pembangunan untuk asnaf dalam pertanian cili dan sebagainya di sini.

"Mereka boleh bekerja di sini tetapi perlu tinggal di kawasan lain kerana LZS tidak mahu jadikan kawasan itu sebagai lokasi gejala so-



Antara rumah kosong yang dijadikan lokasi barang gantian motosikal.

sial lagi.

"Kami sebenarnya pernah baik pulihnya dengan harapan beri peluang kepada asnaf baru untuk tinggal di kawasan itu, namun aktiviti pecah masuk berlaku," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga berusaha menjaga aib asnaf sebaik mungkin dengan tidak mendedahkan identiti dan masalah mereka kepada masyarakat untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalan-gan pembayar zakat.

Mengulas mengenai adakah

kawasan itu bakal dirobohkan sepenuhnya, beliau memaklumkan untuk perancangan jangka masa panjang, rumah-rumah kosong di situ akan dirobohkan secara berperingkat tetapi bukan dalam masa terdekat.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan isu penempatan Desa Ehsan Pematang Pasir tular di laman sosial sehingga masyarakat menudung jari kepada pelbagai pihak kerana tidak menyelenggara kawasan itu dengan baik.